

**PROTOKOL PEMIKIRAN VERBAL DALAM PEMBELAJARAN
BAHASA MELAYU**

Oleh

ZALEHA BT. ABD. RAHMAN

**Tesis Ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera**

Oktober 2004

DEDIKASI

*Teristimewa buat
suamiku dan keluarga*

dan

*sebagai aspirasi serta dorongan
khas buat Lela, Una, Hanis dan Ijah
untuk mencapai kejayaan*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk memperoleh ijazah Master Sastera

**PROTOKOL PEMIKIRAN VERBAL DALAM PEMBELAJARAN
BAHASA MELAYU**

Oleh

ZALEHA ABD. RAHMAN

Oktober 2004

Pengerusi: Profesor Madya Noor Aina Dani, Ph.D.

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Para pelajar sering menghadapi masalah pemahaman dalam bacaan sewaktu membaca bahan-bahan akademik. Masalah ini mungkin berpunca daripada masalah penggunaan strategi bacaan, kesukaran perbendaharaan kata khususnya istilah atau perkataan pinjaman, dan masalah pemprosesan leksikal. Oleh yang demikian, penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi pemahaman bacaan, cara-cara pemprosesan leksikal, pemindahan positif dan penguasaan pemahaman bacaan. Dapatan kajian ini di peroleh melalui Protokol Pemikiran Verbal dan laporan lisan. Data yang dikumpulkan melalui Protokol Pemikiran Verbal dan laporan lisan ini dirakam dan ditranskripsikan, kemudian dianalisis. Kajian ini dijalankan terhadap enam orang pelajar Tingkatan 4, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Hj. Mohd. Redza, Jalan Sikamat, Seremban, dan dikelompokkan dalam dua kumpulan berdasarkan pencapaian akademik tinggi dan rendah. Satu petikan berbentuk deskriptif bertajuk, "Kaji

Kandungan Program TV Tempatan,” digunakan sebagai teks bacaan untuk Protokol Pemikiran Verbal. Dapatan kajian ini menunjukkan strategi pemahaman bacaan yang paling kerap diaplikasikan oleh subjek ialah strategi tempatan, diikuti dengan strategi umum, kemudian strategi metakognitif. Subjek kumpulan pencapaian tinggi didapati lebih kerap menggunakan strategi umum dan strategi metakognitif, manakala subjek kumpulan pencapaian rendah pula kerap menggunakan strategi tempatan. Seterusnya, subjek kerap menggunakan teknik “pemberian makna seerti,” “diabaikan,” dan “penghuraian langsung,” sebagai teknik untuk menyelesaikan masalah perbendaharaan kata. Kajian ini juga membuktikan bahawa wujud pemindahan positif, iaitu pemindahan pengetahuan makna perbendaharaan kata bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu, melalui perkataan pinjaman bahasa Inggeris. Pemindahan positif juga dikenal pasti melalui penggunaan terjemahan, pemindahan pengetahuan makna perkataan, dan penggunaan klu daripada bahan petikan, oleh subjek ketika memproses teks bacaan. Dari segi penguasaan pemahaman, pencapaian subjek agak rendah dan dapatan ini juga membuktikan bahawa pencapaian akademik tidak menentukan penguasaan pemahaman bacaan subjek kajian. Pengkaji mencadangkan agar guru mempelbagaikan penggunaan strategi dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam pemahaman bacaan. Selain itu, pelajar juga perlu dilatih untuk menggunakan pelbagai strategi dan teknik pembelajaran bahasa.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the partial requirement for the degree Master of Arts

THINK ALOUD PROTOCOL IN MALAY LANGUAGE LEARNING

By

ZALEHA BT. ABD. RAHMAN

October 2004

Chairman: Associate Professor Noor Aina Dani, Ph.D.

Faculty: Modern Languages and Communication

Students often face reading comprehension problems especially in reading academic materials. These problems may be caused by problems in using reading strategies, vocabulary difficulties, mainly with terminology and borrowed words, and also problems in lexical processing. Therefore, this study is conducted to identify reading comprehension strategies, lexical processing methods, positive transfer, and reading comprehension ability. The data were elicited through Think Aloud Protocol and oral retelling. The data were recorded and transcribed verbatim then were analysed. The study was conducted on six Form 4 students from Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Hj. Mohd. Redza, Jalan Sikamat, Seremban. Two groups were formed based on their level of academic achievement: high and low. A descriptive article entitled, "Kaji Kandungan Program TV Tempatan," (Analysing the Content of Local TV Programmes) was used as a reading comprehension text for Think Aloud

Protocol. The findings of the study show that the most frequent reading comprehension strategies used were local strategies, followed by general and metacognitive strategies. The general and metacognitive strategies were used more frequently by the high achievement level group. On the other hand, the lower achievement level group used the local strategies more. The subjects often used synonyms, ignoring of words, and direct interpretation techniques in solving lexical problems. The study also shows the presence of positive transfer, that is transfer of word knowledge, from the English language to the Malay language, via borrowed English language words. The positive transfer was also identified by the use of translation, transfer of word knowledge and contextual clues, as shown by the subject when processing reading comprehension text. The subject's achievement in reading comprehension is rather low and the study proves that academic achievement does not determine reading comprehension ability. The researcher proposes that teachers use various strategies and techniques in the learning and teaching process, especially where reading comprehension is concerned. Beside that students should also be trained to use different strategies and techniques in language learning.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan khusus kepada Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, yang banyak meluangkan masa membimbing dan memberi nasihat serta tunjuk ajar yang amat berfaedah. Terima kasih saya rakamkan untuk Dr. Abdul Rashid Jamian dan Dr. Zaitul Akma Zainon Hamzah, sebagai Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, yang turut membantu membimbing saya secara langsung dalam menyiapkan tesis ini.

Seterusnya, saya merakamkan penghargaan saya kepada pihak pengurusan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Hj. Mohd Redha, Jalan Sikamat, Seremban kerana memberi kebenaran kepada saya mengadakan kajian di sekolah tersebut. Terima kasih juga kepada kakitangan Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan dan Pusat Kegiatan Guru, Ampangan, Seremban yang berkerjasama menyediakan tempat untuk rakaman.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada suami, Haris Yusoh, yang memberi sokongan, dorongan serta bimbingan, seterusnya Farushee, Noor Farijah, Khalil Alias, Mazalina, Nasihah, Pn. Norizan dan En. Zahar, yang banyak membantu dan memberi kerjasama yang cukup baik. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak, dalam membantu saya menyempurnakan tesis ini.

Saya memperakukan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Zaleha Abd. Rahman telah mengadakan peperiksaan akhir pada 11 Oktober 2004 untuk menilai tesis Master Sastera beliau yang bertajuk "Protokol Pemikiran Verbal dalam Pembelajaran Bahasa Melayu," menurut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah yang berikut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Abdul Rahim Marasidi, PhD.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Mahmood Musanif, PhD.

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mardziah Hayati Abdullah, PhD.

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Noriah Mohamed, PhD

Profesor Madya
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZAKARIAH ABD. RASHID, Ph.D.

Profesor/ Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh :

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Noor Aina Dani, Ph.D.

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Rashid Jamian, Ph.D.

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Zaitul Akma Zainon Hamzah, Ph.D.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, Ph.D.

Profesor / Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

PERAKUAN

Saya mengakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

ZALEHA ABD. RAHMAN

Tarikh :

ISI KANDUNGAN

	Halaman
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
I	PENGENALAN
	Latar Belakang Kajian 1
	Latar Belakang Protokol Pemikiran Verbal 1
	Protokol Pemikiran Verbal dalam Pemahaman Bacaan 6
	Latar Belakang Subjek Kajian 9
	Penyataan Masalah 11
	Objektif Kajian 15
	Persoalan Kajian 15
	Kepentingan Kajian 16
	Batasan Kajian 18
	Definisi Operasional 19
	Protokol Pemikiran Verbal 19
	Pembelajaran Bahasa Melayu 19
	Pemahaman Bacaan 20
II	SOROTAN KAJIAN
	Kajian tentang Mengenal Pasti Strategi Pemahaman Bacaan 22
	Kajian tentang Mengenal Pasti Cara-cara Pemprosesan Leksikal 31
	Kajian Berkaitan dengan Penguasaan Pemahaman Bacaan 38
	Kajian Berkaitan dengan Pemindahan Positif dalam Pembelajaran Bahasa 40

III	METODOLOGI KAJIAN	
	Kerangka Teori	52
	Model Protokol Pemikiran Verbal	52
	Proses Membaca	57
	Proses Pemahaman Bacaan	61
	Strategi Pemahaman Bacaan	63
	Cara Pemrosesan Leksikal	68
	Pemindahan Positif dalam Pembelajaran Bahasa	70
	Kerangka Konsepsi	71
	Kaedah Kajian	74
	Kajian Kes	74
	Kaedah Analisis Kandungan	74
	Tempat Kajian	75
	Subjek	75
	Alat Kajian	78
	Bahan Teks Bacaan	78
	Keesahan Kandungan Bahan Teks Bacaan	79
	Pita Rakaman	80
	Soal Selidik	80
	Tatacara Kajian	81
	Kajian Rintis	81
	Permohonan Surat Kebenaran	81
	Pengumpulan Data	82
	Sesi Latihan	82
	Bacaan Serentak dan Protokol Pemikiran Verbal	83
	Laporan Lisan	84
	Penganalisan Data	85
	Mengetahui Pasti Penggunaan Strategi Pemahaman	85
	Mengetahui Pasti Cara Pemrosesan Leksikal	86
	Pemindahan Positif dalam Pemahaman Teks	
	Bacaan	87
	Penguasaan Pemahaman	87

IV	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
	Persembahan Dapatan	89
	Objektif 1: Mengaitkan PPV dengan Strategi Pemahaman Bacaan Bahasa Melayu	90
	Objektif 2: Membandingkan Pencapaian Akademik Pelajar dengan Strategi Pemahaman Bacaan yang digunakan	102
	Objektif 3: Mengenal Pasti Cara-cara Pemprosesan Leksikal melalui PPV dalam Pemahaman Bacaan Bahasa Melayu	107
	Objektif 4: Mengenal Pasti Pemindahan Positif dalam Pemahaman Bacaan Subjek Kajian	117
	Objektif 5: Menentukan Penguasaan Pemahaman Bacaan Mengikut Pencapaian Akademik Subjek Kajian	140
	Perbincangan	142
	Protokol Pemikiran Verbal dan Laporan Lisan	142
	Penggunaan Strategi Pemahaman Bacaan	144
	Mengenal Pasti Cara Pemprosesan Leksikal	154
	Aspek-aspek Pemindahan Positif dalam Pemahaman Teks Bacaan	159
	Penguasaan Pemahaman Bacaan	166
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	
	Rumusan Dapatan Kajian	169
	Implikasi Kajian	174
	Cadangan	176
	Cadangan Kajian akan Datang	178
	BIBLIOGRAFI	180
	LAMPIRAN	186
	BIODATA PENULIS	208

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Peringkat dan jenis pemikiran	61
3.2	Kategori dan jenis-jenis strategi pemahaman bacaan	64
3.3	Jenis bantuan konteks	69
4.1	Kategori strategi pemahaman bacaan	91
4.2	Kekerapan penggunaan strategi umum	92
4.3	Kekerapan penggunaan strategi tempatan	97
4.4	Kekerapan penggunaan strategi metakognitif	101
4.5	Kategori strategi pemahaman bacaan berdasarkan tahap pencapaian akademik	103
4.6	Strategi umum: Jenis dan kekerapan berdasar tahap pencapaian akademik	104
4.7	Strategi tempatan: Jenis dan kekerapan berdasar tahap pencapaian akademik	105
4.8	Strategi metakognitif: Jenis dan kekerapan berdasar tahap pencapaian akademik	106
4.9	Taburan perkataan yang sukar/tidak difahami maksudnya/perkataan baru	108
4.10	Cara-cara pemprosesan leksikal : teknik dan kekerapan	109
4.11	Penguasaan pemahaman bacaan	141
4.12	Taburan jenis-jenis idea	141

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Kaitan antara keadaan proses kognitif dan laporan verbal untuk pelbagai jenis prosedur laporan verbal	5
3.1	Maklumat dalam ingatan dalam bentuk linguistik	54
3.2	Maklumat dalam ingatan dalam bentuk bukan linguistik	55
3.3	Perantaraan dalam proses protokol	56
3.4	Dua sumber maklumat ketika membaca	59
3.5	Tahap-tahap dalam proses pemahaman	62
3.6	Kerangka Konsepsi	71
3.7	Kerangka Penyelidikan	73

SENARAI SINGKATAN

B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua
EFL	Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing
ESL	Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua
PPV	Protokol Pemikiran Verbal
PT	Pencapaian Tinggi
PR	Pencapaian Rendah
TESL	Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua

BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Latar Belakang Protokol Pemikiran Verbal

Protokol Pemikiran Verbal (seterusnya PPV) merupakan satu teknik yang digunakan untuk mendapat maklumat yang berlaku dalam proses kognitif. Melalui PPV, subjek akan menterjemah pemikiran, perasaan dan pendapat mereka secara verbal, ketika mereka berinteraksi dengan bahan tugas yang disediakan.

PPV menggunakan kaedah pemerhatian langsung, yang pertama kali diperkenalkan oleh Newell dan Simon (1972), bagi mengkaji strategi penyelesaian masalah kognitif. Perkembangan dan perubahan terhadap penggunaan PPV ini dirumuskan oleh Kucan dan Beck (1997:272), seperti yang berikut:

- Rumusan 1. Sepanjang tahun 1960 hingga 1980-an, PPV lazim digunakan sebagai instrumen kajian, proses yang melibatkan pemikiran, penyelesaian masalah, dan pemahaman bacaan.
- Rumusan 2. Pada 1980-an, PPV digambarkan sebagai satu teknik untuk menunjukkan model kepada pelajar, sebagai satu strategi yang digunakan oleh guru bagi membantu pelajar memahami teks.
- Rumusan 3. Pada 1990-an, PPV ini kini diterima untuk melengkapkan komponen pembentukan makna dalam interaksi sosial. Pemikiran verbal kini kurang digunakan sebagai instrumen atau strategi malah lebih digunakan untuk satu

aspek interaksi sosial, khususnya aspek perbualan dalam konteks sosial yang dibentuk untuk mengajar pemahaman bacaan.

Dengan menggunakan PPV, pengkaji dapat menjelaskan cara maklumat disimpan dan dikeluarkan serta dapat menunjukkan perkaitan antara pengujaran dan proses kognitif yang sedang berlaku. Proses ini melibatkan terjemahan pemikiran *bukan-verbal* dalam bentuk verbal.


Proses ini boleh berlaku melalui dua bentuk pemikiran verbal yang amat berkait rapat dengan proses kognitif. Pertama, disebut “laporan verbal serentak” (*concurrent verbal reports*) dan kedua, laporan retrospektif (Ericson & Simon, 1993). Laporan verbal serentak ini dijalankan secara “bercakap kuat” (*talk aloud*) dan “berfikir kuat” (*think aloud*), yakni dalam proses kognitif, subjek memberi maklumat secara langsung, melalui ujaran satu persatu, secara turutan. Proses pemikiran berlaku seiring dengan interaksi subjek dengan bahan tugas. Apabila berinteraksi dengan tugas, subjek akan mengujar terus apa yang mereka fahami, tanpa mengubah urutan pemikiran mereka.


Bentuk kedua, dikenali sebagai laporan retrospektif. Untuk mengujar maklumat secara retrospektif ini, subjek akan mengesan ingatan dalam satu jangka masa yang agak panjang, dalam usaha untuk memahami tugas. Pengesanan ingatan ini boleh dilakukan melalui ingatan jangka pendek atau ingatan jangka panjang, dan seterusnya maklumat yang diperolehi ini diujarkan. Laporan retrospektif yang berasaskan maklumat dari ingatan jangka panjang, memerlukan proses tambahan semasa penghasilannya, seperti proses pengekodan semula atau proses saringan.

Proses pengujaran pula, boleh dibahagikan kepada tiga tahap. Pada tahap pertama pengujaran berlaku serentak dengan pemikiran. Apa yang difikirkan akan terus diujarkan, dan tidak berlaku proses perantaraan ketika berinteraksi dengan tugas dan pemikiran. Pada tahap kedua pula, pengujaran melibatkan gambaran atau menerangkan kandungan pemikiran. Pada

tahap ini, subjek memerlukan lebih masa dalam menjalankan tugas dan mengaitkan maklumat yang dihasilkan dengan ingatan jangka pendek. Pada tahap ketiga pula, pengujaran memerlukan subjek menerangkan proses pemikirannya atau pemikirannya. Penerangan yang berkaitan dengan pemikiran ini, bukan sahaja diperoleh melalui pengekodan semula maklumat yang wujud dalam ingatan jangka pendek, malah memerlukan perkaitan dengan maklumat dalam pemikiran yang sedia ada dan yang sebelumnya. Perkaitan ini mungkin berlaku apabila maklumat yang diperoleh dikaitkan dengan pengetahuan atau pengalaman yang ada dalam ingatan jangka panjang. Pengujaran pada tahap ini, memerlukan proses tambahan dan berkemungkinan struktur proses pemikiran akan berubah dan menyebabkan pengubahsuaian.

Antara proses tambahan yang menyebabkan pengubahsuaian struktur proses pemikiran ialah pengekodan semula ke dalam kod verbal, iaitu maklumat dienkod dan diterjemahkan ke dalam bentuk kod verbal (tahap 2); kedua, proses penyaringan iaitu hanya maklumat yang difahami dan yang dipilih sahaja yang akan diujarkan (tahap 3); dan ketiga ialah proses generatif, iaitu subjek memikirkan apa yang difikirkan dan menerangkan sebab-sebab kejadian. Kesimpulannya, pada tahap 1 dan tahap 2, urutan maklumat yang difahami itu dianggap sempurna, dan tidak memerlukan maklumat tambahan. Sementara itu, pada tahap 3, penghasilan verbal ini memerlukan maklumat tambahan, dan akan mengubah urutan maklumat yang cuba difahami. Penghasilan verbal ini dapat dijelaskan menerusi Rajah 1.1.





Rajah 1.1: Kaitan antara keadaan Proses Kognitif dan Laporan Verbal untuk pelbagai jenis prosedur Laporan Verbal.
 Sumber: Ericsson & Simon (1993:17)

Proses kognitif yang berlaku tidak perlu dipelajari dan sentiasa dapat dicapai untuk digunakan. Proses pengujaran pula berkait rapat dengan proses yang biasa digunakan oleh manusia dalam tingkah laku bahasa seharian mereka. Oleh itu, terdapat koordinasi yang erat antara pengujaran dengan pemikiran, sekalipun dalam pertuturan normal. Perkaitan ini telah dirumuskan oleh McNeill (1975 dalam Ericsson, 1993), untuk kebanyakan penutur, dalam pertuturan normal, sesuatu ujaran itu hanya akan disuarakan setelah ujaran itu disusun. Susunan konseptual di sebalik pertuturan itu berlaku pada masa yang hampir sama apabila ayat tersebut dihasilkan, dan sesuatu frasa atau ayat itu jarang sekali diujarkan terlebih awal daripada itu.

Pada masa ini, kaedah PPV semakin popular dalam bidang pembelajaran bahasa, khususnya dalam pembelajaran bahasa kedua (seterusnya B2) dan bahasa asing. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji, untuk mendapat gambaran yang jelas tentang perkara yang biasa dilakukan oleh pembaca ketika membaca, khususnya dalam bahasa asing. Menurut Cohen

(1987), PPV digunakan dalam pelbagai cara bagi menerangkan strategi yang digunakan oleh individu untuk belajar dan berkomunikasi dalam B2.

Protokol Pemikiran Verbal dalam Pemahaman Bacaan

PPV juga turut diterap dalam kajian membaca kerana membaca merupakan salah satu daripada aktiviti penyelesaian masalah (Block, 1986). PPV telah digunakan dengan meluas dalam penyelidikan membaca, sama ada bacaan dalam bahasa pertama (seterusnya B1) atau B2. Kaedah ini bertujuan untuk membuktikan proses mental yang berlaku dalam minda pembaca dalam pelbagai situasi. Kepelbagaian tujuan dalam penyelidikan ini telah menghasilkan beberapa bahan kajian yang berharga. Antaranya, taksonomi strategi bacaan (Anderson, 1991; Olshavsky, 1977), membandingkan bacaan dalam B1 dengan bahasa asing (Sarig, 1987), dan membuktikan pemindahan strategi bacaan antara pembaca yang “cekap” dan “lemah” (Block, 1986), menyelidik kesan pengetahuan sedia ada dalam bacaan dan pemahaman (Pritchard, 1990), dan menjelaskan tentang strategi yang digunakan dalam ujian bacaan dan pemahaman (Anderson, Bachman, Perkins & Cohen, 1991).

Banyak kajian berkaitan dengan pemikiran verbal dijalankan untuk pemahaman teks. Pemikiran verbal juga digunakan untuk mengkaji proses pemahaman pembaca, ketika pembaca berinteraksi dengan tugas mereka. Selain pembaca diminta untuk mengujarkan perkara yang terlintas dalam fikiran mereka, pengkaji juga akan mendapat satu gambaran langsung tentang proses mental yang dialami oleh pembaca ketika membaca (Rankin, 1998). Ericsson (1993), menjelaskan bahawa walaupun bagi aktiviti yang memerlukan kemahiran yang tinggi, seperti pemahaman teks oleh orang dewasa, “laporan verbal serentak” akan menyediakan data yang signifikan tentang perkara yang berlaku dalam proses kognitif.

Olson, Duffy dan Mack (1984) mengaitkan pemikiran verbal ini sebagai satu alat; “pemerhatian yang sistematik yang berkaitan dengan pemikiran yang berlaku ketika membaca,”

iaitu mengumpul data yang tidak dapat dilihat, proses yang tidak dapat diperhati, contohnya seperti membuat inferen atau penggunaan pengetahuan sedia ada.

Kaedah ini bukan sahaja dapat melihat pemikiran pembaca, malah dapat mengenal pasti strategi yang digunakan untuk pemahaman. Dalam proses verbal, pembaca diminta menyuarakan fikiran mereka, apa yang terlintas dalam fikiran ketika mereka membaca teks (membaca kuat). Kaedah ini juga boleh digunakan untuk mengkaji perbezaan individu, seperti tahap kemahiran membaca atau jumlah pengetahuan sedia ada yang digunakan.

Ketika pemahaman bacaan, maklumat diakses sama ada dalam ingatan jangka pendek atau ingatan jangka panjang untuk menghasilkan pemahaman yang terang dan jelas terhadap teks. Kebanyakan teks yang dihasilkan bertujuan untuk menyampaikan pengalaman, maklumat atau pengetahuan. Oleh itu, ayat yang terkandung dalam sesuatu teks itu mempunyai perkaitan yang rapat dengan keadaan dan struktur mental yang cuba disampaikan oleh penulis. Dalam situasi komunikasi yang ideal, pembaca mungkin dapat menghuraikan semula sesuatu ayat itu, untuk pemahaman mereka sendiri. Namun demikian, hasil penulisan yang baik sukar untuk diparafrasakan dengan cepat. Oleh itu, dalam penghasilan verbal kemungkinan sesuatu frasa atau ayat itu dapat dihasilkan semula.

Kesimpulannya, terdapat beberapa kajian telah dijalankan dengan menggunakan analisis protokol untuk melihat proses asas dalam pemahaman teks (Collins, Brown, & Larkin, 1980). Selain itu, ada juga kajian yang menggunakan data protokol ini bertujuan untuk membaiki proses pemahaman. Satu kekuatan penggunaan kaedah ini ialah, pengkaji akan dapat melihat dengan lebih mendalam, proses kognitif seseorang pembaca.

Latar Belakang Subjek Kajian

Pengkaji menggunakan enam orang subjek dalam kajian ini. Subjek kajian ini, terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Hj. Mohd. Redza, Jalan Sikamat Seremban. Mereka terdiri daripada pelajar aliran sains tulen dan sastera iktisas. Pemilihan mereka sebagai subjek kajian adalah berasaskan pencapaian mereka dalam Penilaian Menengah Rendah (seterusnya PMR). Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan pencapaian tinggi (seterusnya PT) dan pencapaian rendah (seterusnya PR). Kumpulan PT, seramai tiga orang memperoleh antara 6A hingga 9A dalam PMR, sementara kumpulan PR mendapat antara 1A hingga 5A.

Berdasarkan temu bual dengan subjek kajian, didapati membaca bukanlah pilihan utama mereka berbanding menonton televisyen, mendengar muzik dan melayari internet. Banyak faktor penghalang bagi mereka untuk membaca dengan alasan tiada masa, perasaan malas, gangguan persekitaran dan terlalu banyak kerja sekolah yang perlu disiapkan. Namun mereka masih mempunyai kesedaran terhadap kepentingan membaca, yakni untuk mengisi masa lapang dan menambah ilmu pengetahuan. Antara pilihan bahan bacaan yang diminati ialah buku fiksyen, akhbar, majalah hiburan, dan komik.

Persekitaran di rumah memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan membaca anak-anak, dan ibu bapa merupakan model bagi menggalakkan anak-anak untuk membaca. Sekiranya ibu bapa membaca untuk tujuan rekreasi dan maklumat, serta menyediakan banyak bahan bacaan di rumah, maka anak-anak akan belajar menghargai tabiat membaca. Berdasarkan persekitaran di rumah, subjek kajian terdiri daripada keluarga yang berpendidikan. Dari segi tahap pendidikan kedua-dua ibu bapa mereka, tahap pendidikan yang paling tinggi ialah ijazah dan paling rendah ialah PMR. Sikap ibu bapa mereka terhadap membaca amat positif serta mempunyai kesedaran tentang pentingnya membaca. Melalui kesedaran tersebut mereka menyediakan persekitaran membaca yang baik di rumah. Mereka menyediakan peruntukan antara RM50 hingga RM100 bagi membeli bahan-bahan bacaan seperti akhbar dan majalah. Mereka juga sering meluangkan sedikit masa membaca bersama anak-anak.

Sikap positif ibu bapa terhadap pentingnya tabiat membaca, mendorong mereka mengajar anak-anak mengenal huruf sejak di sekolah tadika, iaitu ketika berusia lima tahun. Selain sekolah tadika, ibu mempunyai inisiatif sendiri untuk mengenalkan huruf kepada anak-anak mereka di rumah. Mereka peka terhadap kekangan yang timbul dalam usaha untuk memupuk tabiat membaca di kalangan anak-anak mereka. Antara kekangan tersebut ialah, program-program yang menarik dipelbagai stesen televisyen, khususnya Astro, mempengaruhi anak-anak untuk menonton televisyen, melayari internet, serta bermain. Selain itu, antara kekangan yang timbul ialah kebanyakan anak mereka lebih suka membaca bahan bacaan ringan seperti hiburan dan komik.

Penyataan Masalah

Penguasaan dan pembelajaran bahasa merupakan satu proses yang amat kompleks. Pembelajaran bahasa biasanya dipelajari secara formal dan berkembang melalui latihan dan pengukuhan. Memandangkan pembelajaran bahasa merupakan satu proses yang amat kompleks, banyak masalah yang akan dihadapi oleh pelajar dalam menguasai kecekapan dan kemahiran seperti membaca, bertutur dan menulis.

Membaca merupakan salah satu aspek penting dalam penguasaan dan pembelajaran bahasa. Membaca dan memahami bahan bacaan amat penting untuk menambah ilmu pengetahuan. Pada masa ini kebanyakan pelajar tidak berminat untuk membaca terutamanya membaca bahan-bahan akademik. Masalah ini berlaku kerana mereka tidak memahami bahan yang mereka baca. Akibatnya mereka hilang minat dan putus asa, apatah lagi apabila mereka tersua perkataan atau ayat yang sukar untuk diproses. Apabila mereka hilang minat atau berhenti membaca, pastinya mereka gagal untuk mendapatkan maklumat atau pengetahuan dan seterusnya menyekat perkembangan minda mereka. Tambahan pula, mereka hanya membaca ketika di sekolah sahaja, dan keperluan membaca kurang mendesak. Matlamat membaca bahan